

20 JUN 2002

Umno-Reaksi (Pemimpin)

DR MAHATHIR DEDAH KENYATAAN PAHIT YANG HARUS DITERIMA

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu mendedahkan orang Melayu kepada unsur-unsur persaingan yang semakin hebat sekarang untuk mendorong mereka mencapai kejayaan lebih besar pada masa depan.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak berkata bagaimanapun orang Melayu tidak perlu khuatir kerana strategi pendedahannya kepada persaingan itu tidaklah sampai menjejaskan hak dan kepentingan orang Melayu.

Sudah sampai masanya orang Melayu didedahkan dengan unsur persaingan bagi mempersiapkan mereka menghadapi cabaran globalisasi, katanya ketika mengulas ucapan Presiden Umno pada Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Dr Mahathir dalam ucapan dasarnya mengingatkan bahawa kuasa politik tidak dapat menjamin keselamatan orang Melayu dan mereka harus meningkatkan daya saing dalam semua bidang.

"Apa sekalipun, mesej yang hendak disampaikan oleh Presiden adalah Umno merupakan pertubuhan yang mampu membawa perubahan kepada bangsa Melayu dan budayanya ke arah pencapaian yang lebih gemilang," katanya.

Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Hussein pula menyifatkan pandangan Dr Mahathir adalah realistik dan perlu diterima.

Bagaimanapun, katanya perubahan di kalangan orang Melayu bagi menghadapi cabaran yang hendak dilakukan perlu dilaksanakan dengan tegas.

"Ini kerana masa kini skop perjuangan yang perlu dipikul Umno lebih luas dan tidak terbatas kepada bangsa, agama dan tanah air sahaja", katanya.

Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz pula berkata walaupun Dr Mahathir menyatakan beliau gagal membawa kejayaan kepada orang Melayu, perdana menteri sebenarnya telah banyak berjasa kepada kaumnya.

"Kita nafikan yang dia gagal. Dia berjaya, cuma kita tak hendak kejayaan beliau itu dinegatifkan oleh orang Melayu sendiri yang tidak menghargai apa yang telah kita capai," katanya.

Rafidah berkata Dr Mahathir tidak perlu meminta maaf kerana merasakan dirinya gagal mencapai objektif menjadikan umat Melayu berjaya sedangkan apa yang diperkatakan beliau berhubung kelemahan Melayu adalah benar.

Seorang lagi Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata bangsa Melayu sedikit sebanyak telah berjaya tetapi perlu tingkatkan lagi usaha bagi membolehkan mereka menghadapi cabaran dunia tanpa sempadan termasuk mengubah cara berfikir.

-- BERNAMA

NH SR MAM ZS RHM